

**UCAPAN ALU-ALUAN
YM AWG YUSOF BIN HJ ABD RAHMAN
PENGARAH URUSAN**

**AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM
PENGERUSI, LEMBAGA PENGARAH-PENGARAH
CIBFM BHD**

**MAJLIS TAMAT PENGAJIAN BAGI FIQH
MUAMALAT PROFESSIONAL PROGRAMME
(FMPP)**

9 MEI 2016

BISMILLAHIRRAHMAANIRRAHIIM

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin

Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Ambiyai Walmursaleen

Sayyidina Muhammadin Wa'ala alihi Wasahbihi Ajma'in

Yang Arif Dato Seri Setia Hj Awang Metussin bin Hj Baki

Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

YM Dr Awg Hj Mazanan bin Hj Awg Yusof

Pemangku Timbalan Mufti Kerajaan

YM Awg Hj Adi Marhain bin Hj Lemam

Pemangku Timbalan Pengarah Urusan (Regulatori & Penyeliaan), AMBD

YM Dyg Hjh Rashidah binti Hj Sabtu

Pemangku Penolong Pengarah Urusan (Regulatori), AMBD

YM Puan Suriati binti Hj Mohd Taib

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, CIBFM

Penceramah-penceramah jemputan yang saya hormati iaitu
Yang Berbahagia Datuk Dr Daud Bakar dan Yang Berbahagia
Dr Zulkifli Hassan

Perwakilan dari Jabatan-jabatan Kerajaan dan juga institusi-
institusi kewangan

Graduan-graduan FMPP

Para hadirin hadirat yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dan Selamat Petang

1. Saya amat berbesar hati dijemput pada petang ini untuk menyampaikan sijil tamat pengajian kepada peserta-peserta Pengajian Fiqh Muamalat *Professional Programme* anjuran Centre For Islamic Banking, Finance And Management (CIBFM). Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan di atas kejayaan mereka.
2. Tidak lupa saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih di atas kehadiran dua orang pakar kewangan Islam ternama daripada Malaysia iaitu Yang Berbahagia Datuk

Dr Daud Bakar dan Yang Berbahagia Dr Zulkifli Hassan yang mana kita akan berpeluang untuk mendengarkan pembentangan daripada mereka bersempena dengan Majlis ini.

3. Dengan tamatnya pengajian para graduan pada hari ini, CIBFM telah berjaya menghasilkan seramai 26 graduan FMPP dari dua pengambilan. Ini adalah merupakan permulaan yang baik dalam usaha menambahkan lagi pakar-pakar kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam.
4. Pendidikan Kewangan Islam atau *Islamic Finance Education* telah menjadi sebuah agenda yang penting sejak dua dekad yang lepas. Dalam dunia kewangan yang berkembang pantas dan kompetitif ini, institusi-institusi Kewangan Islam hendaklah bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran dengan kapabiliti kukuh bagi merebut peluang yang ditawarkan oleh persekitaran pasaran yang baru. Cabaran yang dimaksudkan termasuklah permintaan yang semakin tinggi dari pelanggan-pelanggan yang menginginkan tawaran produk kewangan

dan perkhidmatan nilai tambah pada harga yang lebih kompetitif dan perkhidmatan cemerlang pada tahap kecekapan yang tinggi.

5. Industri perkhidmatan Kewangan Islam memerlukan pengetahuan dan kepakaran mendalam bukan sahaja di peringkat strategik dan pengurusan malahan juga di peringkat teknikal dan operasi. Kewangan Islam yang inovatif memerlukan profesional-profesional yang mempunyai kefahaman dan kemahiran dalam mengintegrasikan pengetahuan dan ideologi dalam menstruktur produk-produk dan perkhidmatan yang kompetitif dan patuh syariah.
6. Finance Accreditation Agency (FAA) menganggarkan bahawa kewangan Islam masih kekurangan hampir 56,000 profesional yang kompeten di peringkat global. Satu tinjauan yang dijalankan oleh FAA dan Islamic Finance News (IFN) pada tahun 2014 juga mendapati bahawa 80% daripada responden bersetuju bahawa tenaga mahir dalam industri kewangan Islam tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan yang semakin meningkat di pasaran.

7. Melihat dari perspektif usaha-usaha pembangunan kapasitas insan dalam kewangan Islam secara global, terdapat kira-kira 420 institusi yang menawarkan kursus-kursus dalam kewangan Islam dan lebih 113 universiti yang menawarkan ijazah berkaitan kewangan Islam menurut data daripada Islamic Corporation of the Development of the Private Sector (ICD). Negara-negara Asia dalam hubungan ini menyumbangkan sebanyak 43% kepada pendidikan kewangan Islam global.

8. Saya ingin mengongsikan di sini satu terbitan Nota Perbincangan Kakitangan IMF atau *IMF Staff Discussion Note* bertajuk *Islamic Finance: Opportunities, Challenges and Policy Options* yang disiarkan dalam bulan April 2015 dimana para penulisnya berpendapat yang Kewangan Islam mempunyai potensi untuk membuat lebih banyak sumbangan dalam sekurang-kurangnya 3 dimensi:
 - i. Ia menjanjikan penggalakan lagi *financial inclusion*, terutama sekali bagi penduduk Islam yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan;

- ii. Tekanan untuk pembiayaan berdasarkan asset dan ciri perkongsian risikonya bermakna yang Kewangan Islam boleh menyokong pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan juga pelaburan dalam infrastruktur awam; dan
 - iii. Ciri perkongsian risiko dan larangan spekulasi dalam Kewangan Islam mencadangkan yang Kewangan Islam itu mengandungi risiko sistemik yang kurang berbanding dengan kewangan konvensional.
9. Nota perbincangan ini hanya salah satu daripada pelbagai kajian yang membahaskan mengenai pentingnya kewangan Islam, namun apa yang saya ingin tekankan disini ialah bahawa bagi membuahkan potensi-potensi kewangan Islam yang disebutkan oleh kajian IMF tadi, ianya memerlukan kapasiti insan yang tinggi dalam bidang berkenaan. Tahap pengetahuan dan latitude kemahiran keseluruhan tenaga kerja industri perkhidmatan kewangan Islam akan menjadi faktor penting dalam menentukan kejayaan dalam membina

sektor kewangan Islam yang lebih cekap, berkesan dan dinamik secara keseluruhan. Kewujudan bakat manusia yang terlatih dan cekap adalah kunci kepada prestasi industri. Bagi perspektif domestik, perkara ini adalah selaras dengan Wawasan Brunei 2035 untuk menjadi sebuah negara yang diiktiraf di peringkat antarabangsa bagi pencapaian rakyatnya berpendidikan dan berkemahiran tinggi seperti yang diukur oleh piawaian antarabangsa yang tertinggi.

10. Dalam usaha untuk mempertingkatkan dan memartabatkan industri kewangan Islam domestik, saya menyarankan bagi para graduan FMPP untuk mempunyai matlamat bagi menambah pengetahuan mereka dalam bidang ekonomi dan kewangan disamping menimba pengalaman di industri kewangan agar mereka mempunyai kemahiran yang menyeluruh. Ini yang akan dapat mempercepatkan inovasi produk dan perkhidmatan kewangan Islam dan seterusnya akan dapat menjadikan pasaran kewangan Islam di Negara ini lebih dinamik dan maju. Oleh itu, CIBFM mempunyai peranan yang penting dan haruslah sentiasa peka terhadap keperluan-keperluan

latihan yang dikehendaki oleh industri kewangan untuk mencapai hasrat ini.

11. Saya percaya bahawa pendidikan Kewangan Islam perlu dilihat secara keseluruhan, dan dengan itu memerlukan, antarlainnya:
 - i. usaha kerjasama antara CIBFM (Pusat Kecemerlangan), industri kewangan, pakar-pakar industri, cendekiawan dan pakar Syariah, ahli-ahli akademik dan penyelidik-penyelidik untuk mewujudkan platform yang kukuh bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam Kewangan Islam;
 - ii. strategi dalaman di kalangan institusi-institusi kewangan itu sendiri yang perlu memberi penekanan kepada pembangunan modal insan sebagai keutamaan yang lebih tinggi. Institusi-institusi kewangan perlu mempunyai inisiatif sendiri untuk membuat *talent upscaling* dan *succession plan* yang dinamik sebagai platform bagi memajukan dan mempertingkatkan profesionalisme dalam bidang kepakaran Kewangan Islam;

- iii. pendedahan dan penglibatan individu-individu yang mempunyai latarbelakang akademik kewangan Islam seperti penasihat-penasihat Syariah, ahli-ahli akademik dan peserta-peserta industri kewangan Islam yang ada pada masa ini di dalam forum-forum dan persidangan-persidangan kewangan Islam antarabangsa; dan
 - iv. dialog berterusan diantara CIBFM, industri, institusi pendidikan dan pengajian tinggi untuk mempertingkatkan kurikulum program pembelajaran.
12. Penubuhan CIBFM sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan dalam bidang perbankan dan kewangan Islam dibawah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) adalah merupakan sebahagian daripada komitmen AMBD dalam menyediakan platform kukuh untuk meningkatkan keupayaan modal insan dan melahirkan pemimpin bertaraf dunia dan profesional yang versatil dalam sektor perkhidmatan kewangan. CIBFM menawarkan program-program profesional dan pensijilan yang berkualiti tinggi yang menepati kehendak dan keperluan pasaran semasa bagi melahirkan pakar-pakar kewangan Islam muda yang

berbakat melalui perancangan pembelajaran yang unik dan progresif mengikut peringkat profisiensi yang bersesuaian.

13. Dikesempatan ini, saya ucapkan tahniah kepada CIBFM diatas kejayaan menambah lagi bilangan graduan FMPP. Saya menyeru kepada CIBFM agar terus memastikan pendidikan Kewangan Islam yang direkabentuk olehnya sentiasa mempunyai kredibiliti dan berkualiti tinggi untuk mendapatkan pengiktirafan global dan agar pembelajaran yang disampaikan kekal relevan dalam meningkatkan standard dan prestasi sektor kewangan Islam.
14. Bagi para graduan, saya sekali lagi ucapkan setinggi-tinggi tahniah kerana berjaya menjalani FMPP yang diduduki secara sambilan ini. Semoga segala yang dipelajari sepanjang kursus ini memberi manfaat bukan sahaja kepada diri graduan sendiri, malahan akan dapat membantu para graduan menyumbang bakti kepada pertumbuhan dan perkembangan kewangan Islam tempatan dan sekaligus dapat membawa nama Negara Brunei Darussalam ke persada antarabangsa. Malahan perkembangan kewangan Islam merupakan

tanggungjawab yang perlu sama-sama dilaksanakan oleh semua Umat Islam di seluruh dunia dan bukanlah dibuat secara berasingan. Oleh itu, kita sebagai Umat Islam di Negara Brunei Darussalam akan memainkan peranan utama untuk membantu mengembangkan lagi kewangan Islam ke mercu yang lebih tinggi.

15. Sebagai penutup, saya ingin merakamkan penghargaan kepada penceramah-penceramah undangan dan juga kepada para hadirin-hadirat yang sudi meluangkan masa menghadiri majlis hari ini.

Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.